



Praktis Topikal

备考全能通

Ujian Akhir Sesi Akademik

Tahun

5

年級

Ng Jia Wei
Norelyssa Ramli

国文

Bahasa Melayu

- Ditulis mengikut format  terkini
- Berdasarkan tema yang terdapat dalam buku teks
- Merangkumi bahagian tatabahasa, pemahaman dan penulisan
- Mengandungi UPSA, Pra-UASA dan UASA
- Jawapan lengkap disediakan

Tema 6

Pertanian dan
Penternakan

Buku Teks (m.s. 103 – 118)

Bahagian A

Tatabahasa

Soalan 1 hingga 2

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Encik Fazlan _____ ladang jagung yang sangat luas di kampung kelahirannya. 农业 阔
- A menghasilkan 生产
- B mengagihkan 分配
- C mengusahakan 经营
- D mengutamakan 注重
2. Pak Karim _____ anaknya sedang _____ (menggemburkan tanah) di kebun mereka untuk menanam sayur. 松土
- A tetapi
- B sambil
- C dan
- D lalu

Soalan 3

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 3.
- A Aduh, menariknya gambar pemandangan yang kamu tangkap ini!
- B Nah! Kamu gunakan dulu duit saya ini.
- C Syabas, Calin kerana berjaya mendapatkan tempat pertama dalam Kejohanan Badminton Peringkat Daerah Serian!
- D Cis, hebat sungguh persembahan kamu tadi!

表演

Pemahaman Petikan: Teks Tunggal

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Batang padi usah ^{不要} dibuang, Boleh dibuat penyapu jerami; Petani, penternak mencari ^{机会} peluang, Usaha berjaya ^{发展} majukan ekonomi.	Bersiar-siar hilangkan ^{压力} tekanan, Di tepi jalan jumpa peniti; ^{扣针} Pertanian, penternakan sumber makanan, Alatan canggih tingkatan kualiti.
Setiap pagi rajin bersenam, Peluh dikesat ^{擦干} tuala muka; ^{肥沃} Subur ^{绿化} menghijau pokok ditanam, Hasil ^{丰富} lumayan petani suka.	Makan nasi berlaukkan tuna, Tambah sepiring ayam madu; Pelbagai cara boleh diguna, Ternakan bermutu produktiviti padu. ^{家畜} ^{有品质}
Sahabat datang dari Tuaran, Leka berbual terjatuh tangga; Teknologi inovasi menambah ^{增加} pengeluaran, ^{出产} Petani moden tersenyum bangga.	

4. Pantun di atas ^{讲述} mengisahkan tentang
- bidang ekonomi dan industri.
 - bidang teknologi pembuatan.
 - bidang sosial dan masyarakat.
 - bidang pertanian dan penternakan.
5. Maksud perkataan *lumayan* yang terdapat dalam petikan ialah
- kecil.
 - besar.
 - sedikit.
 - banyak.
6. Pernyataan berikut benar tentang petikan, *kecuali*
- alatan canggih tidak mampu menghasilkan produk yang berkualiti.
 - pelbagai usaha dilakukan supaya dapat menghasilkan ternakan bermutu.
 - petani dan penternak yang pandai mencari peluang dapat memajukan ekonomi.
 - bantuan teknologi dan inovasi boleh meningkatkan pengeluaran hasil pertanian.

Pemahaman Petikan: Teks Pelbagai

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam Bahan 1 dan Bahan 2 dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1



Pelbagai aktiviti menarik dan cabutan bertuah menanti anda!

EKSPLO AGROPERTANIAN JOHOR

Tarikh: 23 hingga 28 Julai 202_

Tempat: Dataran Bandaraya, Johor Bahru

Masa: 10:00 pagi – 10:00 malam




✓ Pameran berasaskan pertanian dan penternakan

✓ Pameran jentera dan teknologi inovasi

✓ Promosi produk dan (pelancaran) produk

✓ Pelbagai demonstrasi

✓ Zoo mini

✓ Gerai makanan dan minuman

✓ Jualan hasil pertanian, flora dan herba

✓ Pertandingan masakan, ukiran buah-buahan dan banyak lagi

Jom datang beramai-ramai! Kita nikmati hasil bumi kita yang terbaik.

BAHAN 2

Catatan Pengalaman Farisya

29 Julai 202_

Pengalaman ke Ekspo Agropertanian Johor semalam sangat menyeronokkan. Aku tidak dapat melupakan pengalaman semasa berada di sana. Papa dan mama membawa aku bersara di Warung Mak Inah sebelum ke ekspo. Pada jam 10:00 pagi, kami sudah terpacak di Dataran Bandaraya, Johor Bahru.

Aku sangat teruja melihat pelbagai pameran seperti pameran jentera padi, demonstrasi peralatan ciptaan inovasi, gerai buah, sayur, pelbagai pokok hiasan, tanaman herba dan macam-macam lagi. Tidak lupa juga bahagian produk makanan dan minuman keluaran hasil pertanian tempatan. Yang menariknya, semua produk dijual dengan harga yang lebih murah daripada biasa. Di zoo mini pula terdapat pelbagai jenis haiwan seperti arnab, ular sawa, burung nuri dan kucing.

Aku juga mendapat pengetahuan baharu dalam ekspo ini. Segala brosur dan gambar yang aku dapat semasa di sana boleh aku gunakan untuk pembelajaran. Aku juga boleh berkongsi brosur dan gambar itu dengan rakan-rakan yang lain.

7. Ekspo Agropertanian Johor diadakan selama

- A empat hari.
- B lima hari.
- C enam hari.
- D tujuh hari.

8. Di zoo mini pula terdapat pelbagai jenis haiwan seperti arnab, ular sawa, burung nuri dan kucing.

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah

- A buah.
- B biji.
- C lembar.
- D ekor.

9. Frasa *sudah terpacak* yang terdapat dalam **Bahan 2** membawa maksud

- A berdiri tegak menyaksikan demonstrasi yang dijalankan.
- B terpegun melihat pelbagai hasil pertanian yang dipamerkan.
- C mencacakkan kayu yang dibekalkan di ekspo agropertanian.
- D tepat jam 10:00 pagi sudah berada di Dataran Bandaraya, Johor Bahru.

10. Pilih pernyataan yang **tidak benar** berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**.

- A Farisya pergi ke ekspo pada 28 Julai 202_.
- B Farisya serta ibu dan bapanya bersarapan di Warung Mak Inah sebelum ke ekspo.
- C Maklumat yang diperolehi Farisya boleh dikongsi dengan rakan-rakannya.
- D Farisya berpeluang untuk memenangi hadiah cabutan bertuah yang ditawarkan kepada pengunjung yang hadir.

Bahagian B

Pemahaman Petikan dan Tatabahasa

Soalan 1

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Buah mangga dikenali juga sebagai mempelam atau pauh. Buah mangga merupakan buah tropika yang menjadi salah satu kegemaran ramai. Mangga banyak ditanam di negara kita secara komersial atau tidak komersial. Nama saintifiknya ialah *Mangifera indica* L.

Buah mangga enak dimakan begitu sahaja. Ada juga yang gemar makan buah mangga muda dicecah gula, kicap atau serbuk asam. Buah mangga juga dijadikan desert seperti puding mangga, pulut mangga dan kek mangga. Harga mangga bergantung pada jenis serta gred yang telah ditentukan di pasaran. Selain itu, buah ini mengandungi magnesium, kalium dan kalsium yang baik untuk jantung.

1. (a) Nama saintifik bagi buah mangga ialah _____.

(b) Adakah mangga baik untuk kesihatan jantung? Nyatakan sebabnya.

- (c) *Bulatkan satu kata adjektif yang terdapat dalam ayat yang diberikan.*

Buah mangga enak dimakan begitu sahaja.

- (d) *Pilih dan tuliskan (BETUL) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.*

Harga mangga bergantung pada jenis serta gred yang telah ditentukan di pasaran.

Jenis serta gred yang ditentukan di pasaran mempengaruhi harga mangga.	
Harga pasaran menentukan gred dan jenis mangga.	

Bahagian B: Respons Kritis dan Kreatif

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 30 patah perkataan.

Kamu bercita-cita hendak menjadi ^{饲养者} penternak ikan dalam sangkar yang berjaya. Pada masa yang sama, kamu juga berminat untuk bertani dengan ^{方法} kaedah moden.

2. Berdasarkan situasi di atas, apakah tindakan yang akan kamu lakukan?

Bahagian C

Penulisan Perenggan

Grafik di bawah menunjukkan tentang berkebun.

Tuliskan pendapat kamu tentang kebaikan berkebun.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.


